



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
TUNTUTAN BAYARAN BALIK KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**
(Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 4/2022 bertarikh 9 Mac 2022)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menerangkan prosedur permohonan tuntutan bayaran balik keahlian badan profesional/badan ikhtisas bagi staf Universiti Kebangsaan Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Pengurusan Universiti bertarikh 29 Disember 1999 telah memperakukan bahawa Universiti akan menanggung pembiayaan yuran keahlian badan profesional bagi kakitangan Universiti yang diperlukan oleh Undang-undang mendaftar dengan badan profesional mereka sebelum menjalankan sesuatu tugas untuk UKM. Universiti akan membayar satu yuran keahlian badan profesional di Malaysia sahaja dan satu yuran peperiksaan yang disokong oleh Dekan (untuk badan profesional di Malaysia). Ini bermakna, yuran keahlian badan profesional luar negara tidak akan ditanggung oleh Universiti;
- 2.2 Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pelanggan, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan KK/BP10/984/714/6 Jld. 2 (38) bertarikh 14 Jun 2007 pula memaklumkan bahawa bayaran yuran tahunan keahlian pegawai Kerajaan di dalam pertubuhan profesional hanya boleh ditanggung oleh Kerajaan sekiranya pegawai berkenaan diwajibkan mendaftar dengan mana-mana badan profesional bagi membolehkan beliau menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi beliau dengan dapat mengesahkan keperluan itu dalam akta yang berkenaan;
- 2.3 Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pelanggan, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan KK/BP10/984/714/6 Jld. 2 (44) bertarikh 10 Oktober 2007 juga memaklumkan bahawa Perbendaharaan tidak mempunyai senarai nama badan-badan profesional yang diiktiraf oleh Kerajaan yang boleh dituntut bayaran yuran keahlian. Pembayaran balik yuran berkenaan adalah berdasarkan kepada keperluan pegawai untuk menjadi ahli sesuatu badan profesional bagi melaksanakan tugas rasmi di bawah peraturan/undang-undang yang berkuat kuasa. Bayaran balik yuran keahlian pegawai Kerajaan dalam badan profesional hanya akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya pegawai berkenaan diwajibkan oleh undang-undang/akta berkaitan untuk menjadi ahli mana-mana badan profesional bagi membolehkan beliau menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi.



- 2.4 Justeru, penyediaan garis panduan permohonan tuntutan bayaran balik yuran keahlian badan profesional ini adalah perlu bagi membuat semakan semula terhadap keputusan terdahulu mengenai pelaksanaan tuntutan bayaran balik yuran keahlian badan profesional/ikhtisas dan menyelaraskan semula prosedur permohonan yang diuruskan oleh pihak-pihak yang terlibat serta sebagai sumber rujukan bagi staf UKM. Langkah ini merupakan satu usaha berterusan dalam penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam; dan
- 2.5 Pindaan yang dibuat adalah untuk memastikan bahawa warga UKM sentiasa berupaya memenuhi kehendak pihak pemegang taruh dan seiring dengan keperluan organisasi di peringkat negara dan global, di samping pengiktirafan kepada keserjanaan warga UKM dalam bidang kepakaran masing-masing melalui pemberian insentif tuntutan bayaran balik yuran keahlian badan profesional/ikhtisas ini.

3.0 DEFINISI BADAN PROFESIONAL

- 3.1 Badan profesional atau pertubuhan profesional biasanya pertubuhan bukan berasaskan keuntungan adalah badan yang mewakili sesuatu profesion yang memainkan peranan penting dalam pengawasan pendidikan yang dikaitkan dengan profesion yang wujud untuk melanjutkan profesion tertentu demi melindungi kepentingan awam dan profesional.

4.0 PROSEDUR TUNTUTAN BAYARAN BALIK

Permohonan tuntutan bayaran balik keahlian badan profesional/badan ikhtisas ini adalah tertakluk kepada staf yang memenuhi kriteria umum berikut:

- 4.1 Permohonan terbuka kepada semua staf Pengurusan & Profesional (Akademik dan Bukan Akademik), dan staf Pelaksana yang sedang berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- 4.2 Bidang tugas/kerjaya staf hendaklah berkaitan dengan badan/kerjaya profesional yang dianggotai.
- 4.3 Keahlian dengan badan profesional/badan ikhtisas adalah atas keperluan yang mewajibkan staf berdaftar kerana sesuatu peraturan/undang-undang bagi mengamalkan profesionnya di Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 4.4 Bayaran balik yuran keahlian **tidak melebihi satu badan profesional/ikhtisas sahaja** sama ada badan profesional/badan ikhtisas mengikut kepakaran akademik/bidang yang telah disenaraikan sahaja atau yang diperakukan oleh Ketua PTJ tertakluk kepada peruntukan kewangan yang ada. Permohonan tuntutan bayaran balik **lebih daripada satu badan profesional/ikhtisas, perlulah mendapat kelulusan Ketua PTJ/Ketua Projek.**



- 4.5 Yuran pendaftaran dan yuran tahunan keahlian dibayar secara penuh **tidak** termasuk bayaran pemprosesan, langganan majalah dan sebagainya.
- 4.6 Yuran pendaftaran dan yuran tahunan keahlian juga akan dibayar secara penuh sekiranya staf tersebut dilantik untuk **menjawat sesuatu jawatan di badan profesional**.
- 4.7 Tuntutan bayaran balik hendaklah dibuat pada tahun kewangan semasa, dan **tidak melebihi tempoh enam (6) bulan** daripada tarikh pembayaran yuran dan **tidak boleh ditanggung sehingga melangkau ke tahun yang berikutnya**. Dokumen sokongan yang lengkap seperti resit pembayaran dan sijil keahlian wajib dilampirkan semasa tuntutan dibuat.
- 4.8 Bagi pembayaran yuran kepada Badan Profesional/Ikhtisas yang dibuat pada penghujung tahun (bulan Disember), dokumen lengkap hendaklah dimajukan segera kepada urus setia sebelum **31 Januari** tahun berikutnya. Jika tuntutan ini diluluskan, ianya akan menggunakan pakai kuota tahun sebelumnya dan menggunakan peruntukan kewangan tahun semasa.
- 4.9 Surat pengesahan daripada pihak penaja perlu disertakan semasa membuat tuntutan, sekiranya permohonan staf menggunakan peruntukan daripada pihak penaja.
- 4.10 Borang/surat permohonan tuntutan bayaran yuran yang telah diperakukan oleh Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Ketua Projek serta dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan kepada urus setia seperti berikut:
- **Bahagian Sumber Manusia (BSM) Jabatan Pendaftar/Jabatan Sumber Manusia (JSM) Hospital Canselor Tuanku Muhriz/Perkhidmatan Sumber Manusia (PSM) Hospital Pakar Kanak-Kanak**, jika menggunakan peruntukan PTj;
 - **Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM)** jika menggunakan peruntukan penyelidikan; dan
 - **Jawatankuasa Tabung Amanah/Kelab PTj** jika menggunakan peruntukan Tabung Amanah/Tabung Kelab PTj.
- 4.11 Pemohon boleh mendapatkan Borang Permohonan Tuntutan Bayaran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas mengikut jenis peruntukan melalui laman sesawang Jabatan Pendaftar/Jabatan Sumber Manusia HCTM/Perkhidmatan Sumber Manusia HPKK.
- Borang tuntutan menggunakan peruntukan PTj - Rujuk **Lampiran A1**;
 - Borang tuntutan menggunakan peruntukan Tabung Amanah/Kelab PTj - Rujuk **Lampiran A2**.
- 4.1.2 Senarai badan profesional/badan ikhtisas dalam dan luar negara yang dibenarkan adalah seperti pada **Lampiran 1**. Sekiranya terdapat lain-lain keahlian badan/persatuan profesional yang tidak disenaraikan, staf boleh membuat permohonan tuntutan bayaran balik yuran keahlian, tertakluk kepada perakuan dan kelulusan daripada Ketua PTj.

5.0 TUNTUTAN BAYARAN BALIK MENGIKUT JENIS PERUNTUKAN

5.1 TUNTUTAN BAYARAN BALIK MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PTJ

- 5.1.1 **Borang Permohonan** perlu dikemukakan kepada BSM/JSM/PSM selepas mendapat kelulusan daripada Ketua PTj;
- 5.1.2 **Hanya permohonan tuntutan bayaran balik yuran keahlian badan profesional di Malaysia sahaja dipertimbangkan menggunakan peruntukan ini;**
- 5.1.3 Bagi Perakuan Amalan Tahunan (PAT) Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat HCTM/HPKK, permohonan pembaharuan perlu dimajukan kepada JSM/PSM memandangkan pembayaran yuran dibuat terus oleh HCTM/HPKK kepada Lembaga berkaitan;
- 5.1.4 Setelah diluluskan, BSM/JSM/PSM akan merekodkan setiap pembayaran yuran keahlian badan profesional/ikhtisas ke dalam rekod perkhidmatan staf; dan
- 5.1.5 Pemohon perlu merekodkan maklumat dalam Sistem e-khidmat bagi tujuan penilaian tahunan dan naik pangkat.

5.2 TUNTUTAN BAYARAN BALIK MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PENYELIDIKAN

- 5.2.1 **Surat permohonan** perlu dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) oleh Ketua Projek/Penyelidik Bersama. Bagi permohonan daripada Penyelidik Bersama, permohonan perlulah mendapat kelulusan daripada Ketua Projek terlebih dahulu;
- 5.2.2 CRIM membuat semakan dan mempertimbangkan permohonan mengikut prosedur dan peraturan berkuatkuasa;
- 5.2.3 CRIM mengemukakan surat kelulusan dan arahan pembayaran kepada Unit Kewangan Penyelidikan CRIM (UKPC). Surat kelulusan dan arahan pembayaran ini disalinkan kepada pemohon sebagai simpanan dan rujukan pemohon dan salinan ke BSM/JSM/PSM bagi tujuan rekod perkhidmatan staf; dan
- 5.2.4 Pemohon perlu merekodkan maklumat dalam Sistem e-khidmat bagi tujuan penilaian tahunan dan naik pangkat.




5.3 TUNTUTAN BAYARAN BALIK MENGGUNAKAN PERUNTUKAN TABUNG AMANAH/KELAB DI PERINGKAT PTJ

- 5.3.1 **Borang Permohonan** perlu dikemukakan terus kepada Ketua Pentadbiran/Pengerusi Tabung Amanah/Kelab PTj;
- 5.3.2 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah/Kelab hendaklah diminitkan dan dilampirkan bersama petikan tersebut dalam Arahan Pembayaran kepada Jabatan Bendahari;
- 5.3.3 **PTj perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Bendahari bagi perbelanjaan tabung melebihi RM15 ribu menggunakan peruntukan ini sebelum Arahan Pembayaran dilakukan;**
- 5.3.4 PTj mengeluarkan surat keputusan kepada pemohon. Surat kelulusan hendaklah disalinkan ke BSM/JSM/PSM bagi tujuan rekod perkhidmatan staf; dan
- 5.3.5 Pemohon perlu merekodkan maklumat dalam Sistem e-khidmat bagi tujuan penilaian tahunan dan naik pangkat.




6.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL MENGIKUT PERUNTUKAN

6.1 Peruntukan PTj






6.2 Peruntukan Penyelidikan





6.3 Peruntukan Tabung Amanah/Kelab PTj





7.0 PEMBATALAN

Dengan penguatkuasaan garis panduan ini, keputusan yang diluluskan oleh MPU bertarikh 29 Disember 1999 adalah **dibatalkan**.

8.0 PENGUATKUASAAN

Garis Panduan Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas bagi Staf UKM ini berkuat kuasa **1 Mac 2022**.

Disediakan oleh:

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
dengan kerjasama
Jabatan Sumber Manusia, HCTM
Perkhidmatan Sumber Manusia, HPKK
Pusat Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) dan
Jabatan Bendahari

Tarikh: 1 Mac 2021



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**SENARAI BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS DALAM & LUAR NEGARA
 BAGI TUNTUTAN YURAN KEAHLIAN**

Academy of Family Physicians of Malaysia
 Academy Osteosynthesis Craniomaxillofacial Surgery
 Acoustical Society of America (ASA)
 Affiliate Registered Financial Planner Affiliate (RFP)
 Akademi Perubatan Malaysia
 American Academy for Cerebral Palsy and Developmental Medicine (AACPDM)
 American Chemical Society (ACS)
 American Cleft Palate-Craniofacial Association
 American Occupational Therapy Association (AOTA)
 American Psychological Association (APA)
 American Society for Nutrition for Malaysian Medical Council
 American Society of Agricultural & Biological Engineers (ASABE)
 American Society of Hand Therapists (ASHT)
 American Society of Mechanical Engineers (ASME)
 American Speech-Language-Hearing Association
 Annual Practising Certificate (APC)
 Associate International Member (RIBA)
 Association of Malaysia Optometrists (AMO)
 Australian Society of Certified Public Accountants (ASCPA)

British Psychological Society (BPS)

Chartered Accountants Australia and New Zealand
 Chartered Institute of Environmental Health (CIEH)
 Chartered Professional Engineers Australia (CPEng)
 Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
 Controlled Release Society, Inc

Diplomate American Board of Toxicology

Energy Institute (EI)
 European Academy of Paediatric Dentistry
 European Association for Cancer Research (EACR)
 European Registered Toxicologist



European Respiratory Society (ERS)

Forensic Science Society Malaysia (FSSM)

Human Factors and Ergonomics Society Malaysia

Institut Kelautan Malaysia

Institut Kimia Malaysia

Institut Perekabentuk Dalam Malaysia (PDM/MIID)

Institute of Chartered Accountants of Scotland (ICAS)

Institute of Chemical Engineers (IChemE)

Institute of Civil Engineers

Institute of Electrical & Electronics Engineers (IEEE)

Institute of Engineers Australia (MIEAust)

Institute of Landscape Architect Malaysia (LAM)

Institute of Mechanical Engineers,UK (IMECHE)

Institution of Engineering & Technology (IET)

Institution of Engineers Malaysia

Institution of Surveyors Malaysia (ISM)

International Association of Dental Research (IADR)

International Association of Oral and Maxillofacial Surgeons (IAOMS)

International Association of Paediatric Dentistry

International Dental Collaboration of The Mekong River Region (IDCMR)

International Papillomavirus Society

International Psychological Oncology Society

International Society for Autism Research

International Society of Audiology (ISA)

International Society of Automation (ISA)

Japan Psychoanalytical Association

Lembaga Ahli Geologi (Geologist Act 2008, Act 689)

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

Lembaga Farmasi Malaysia

Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (MBM)

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia

Lembaga Jururawat Malaysia

Lembaga Jurutera Malaysia

Lembaga Kaunselor Malaysia

Lembaga Kelayakan Profesyen Undang-Undang



Lembaga Pembangunan Teknologi Sensor Malaysia (SENSOR MALAYSIA)
Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia
Lembaga Penilai, Penaksir dan Ejen Hartanah (LPPEH)
Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPMB)
Lembaga Pergigian Malaysia (LPM)
Lembaga Perubatan Malaysia
Lembaga Teknologis Malaysia

Majlis Optik Malaysia
Majlis Peguam Malaysia
Majlis Pergigian Malaysia
Majlis Perubatan Malaysia
Malaysia Association of Kansei Engineering (MAKE)
Malaysia Institute of Food Technology
Malaysia Institute of Planners (MIP)
Malaysia Institute of Surveyors (MIS)
Malaysia Psychological Association
Malaysia Society for Hand Therapy (MSHT)
Malaysia Society of Clinical Psychology (MSCP)
Malaysia Society of Occupational Safety & Health (MSOSH)
Malaysia Society of Pathologists
Malaysia Society of Toxicology
Malaysia Veterinary Council
Malaysian Association for Cancer Research (MACR)
Malaysian Association for Orofacial Diseases
Malaysian Association of Speech-Language & Hearing
Malaysian Dietitians' Association
Malaysian Dietitians' Association
Malaysian Institute of Accountants (MIA)
Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
Malaysian Pharmacists Society (MPS)
Malaysian Psychiatric Association
Malaysian Society for Microbiology
Malaysian Society of Clinical Psychology (MSCP)
Malaysian Society of Interior Design (MSID)
Malaysian Thoracic Society (MTS)
Management Science/Operations Research Society of Malaysia (MSORMS)
Molecular Biology and Biotechnology (MSMBB)



National Specialist Register (NSR)

Pediatric Dentistry Association of Asia
Persatuan Ahli Biokimia Klinikal Malaysia
Persatuan Ahli-Ahli Sains Malaysia
Persatuan Audiologis Kebangsaan Malaysia
Persatuan Biokimia dan Biologi Molekul Malaysia (Malaysian Society for Biochemistry and Molecular Biology)
Persatuan Dermatologi Malaysia
Persatuan Endodontik Malaysia (PEM)
Persatuan Farmakologi Dan Fisiologi Malaysia (Malaysian Society of Pharmacology and Physiology)
Persatuan Farmaseutikal Malaysia
Persatuan Fisioterapi Malaysia
Persatuan Genetik Malaysia (Malaysia Genetics Society)
Persatuan Implan Pergigian Malaysia (Malaysia Oral Implant Association / MOIA)
Persatuan Inspektor Kesihatan Malaysia
Persatuan Juru-Juru X-ray Malaysia
Persatuan Jurupulih Cara Kerja Malaysia
Persatuan Kaji Parasit dan Tropika Malaysia
Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA)
Persatuan Kawalan Jangkitan Malaysia (ICAM)
Persatuan Kejuruteraan Tisu Dan Perubatan Regeneratif Malaysia (Tissue Engineering and Regenerative Medicine Society of Malaysia)
Persatuan Kesihatan Malaysia
Persatuan Onkologi Malaysia
Persatuan Ortodontik Malaysia (Malaysian Association of Orthodontist)
Persatuan Pakar Bedah Mulut Dan Maksilofasial Malaysia (MOAMS)
Persatuan Pakar Bius Malaysia
Persatuan Pakar Kesihatan Awam Pergigian Malaysia (The Malaysian Association of Dental Public Health Specialists)
Persatuan Pakar Ortopedik Malaysia
Persatuan Pediatrik Malaysia
Persatuan Pegawai Perubatan Malaysia (PPPM)
Persatuan Pemakanan Malaysia
Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia
Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia
Persatuan Penyelidikan Pergigian Antarabangsa Kawasan Asia Tenggara Bahagian Malaysia (Malaysia Section of The Southeast Asia Division of The International Association for Dental Research)
Persatuan Perancang Bandar Malaysia (PPBM)
Persatuan Pergigian Estetik Malaysia (Malaysian Association of Aesthetic Dentistry)



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

Persatuan Pergigian Forensik Malaysia (Malaysian Forensic Odontology Society)
Persatuan Pergigian Malaysia (PPM)
Persatuan Pergigian Pediatrik Malaysia (Malaysian Association of Paediatric Dentistry)
Persatuan Periodontology Malaysia (Malaysian Society of Periodontology)
Persatuan Prostodontik Malaysia (Malaysian Association for Prosthodontics)
Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA)
Persatuan Radiologi Malaysia
Persatuan Sebatian Semulajadi Malaysia
Persatuan Toksikologi Malaysia
Pertubuhan Akademik Optometri Malaysia (POAM)
Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
Pertubuhan Pendidikan Pergigian Bagi Asia Tenggara (SEAADE) Malaysia

Royal Australian College of Dental Surgeons
Royal Institute of British Architects
Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM)
Royal Society of Chemistry (RSC)

Society for Automatic Control Engineers (MACE)
Society for Neuroscience
Society of Environmental Engineers
Society of Glycobiology (SFG)
Society of Petroleum Engineers (SPE)
South East Asia Association for Dental Education (SEEADE)

The Academy of Nutrition and Dietetics
The Alumni Association of the King Edward VII College of Medicine
The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) (United Kingdom)
The Association of Japanese Clinical Psychology (AJCP)
The Association of Medical Social Workers Malaysia
The Australian Society of Certified Practising Accountants
The Canadian Institute of Chartered Accountants (CICA)
The Chartered Association of Certified Accountants (CACA)
The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT)
The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)
The Chartered Institute of Public Finance & Accounting (CIPFA)
The College of Physicians of Malaysia
The College of Surgeons of Malaysia
The Hanen Centre



The Institute of Chartered Accountants in England and Wales
The Institute of Chartered Accountants in Ireland
The Institute of Chartered Accountants of India (ICAI)
The Institute of Chartered Accountants of New Zealand
The Institute of Marine Engineering, Science & Technology (IMarEST)
The Institution of Engineers Malaysia (IEM)
The Japanese Association of Rehabilitation Psychology
The Institute for Operations Research & Management Sciences (INFORMS)
The Malaysia Local Chapter of the Controlled Release Society Inc. (MYCRS)
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
The Malaysian Society Pharmacology & Physiology (MSPP)
The Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia (OGSM)
The Pharmaceutical Society of Japan
The Royal College of Surgeons of England
The Royal College of Surgeons of Ireland
The Royal College of Surgeons of Edinburgh
The Society of Rheology, Japan
The Technological Association Malaysia (TAM)

Vestibular Disorder Association (VEDA)

World Federation of Occupational Therapists (WFOT)
World Scientific and Engineering and Academy Society (WSEAS)

Young Scientist Network - Academy of Sciences Malaysia

*Nota: Sekiranya terdapat lain-lain keahlian badan/persatuan profesional yang tidak tersenarai seperti di atas, **PTj boleh mempertimbangkan permohonan tertakluk kepada pengesahan Ketua Pusat Tanggungjawab (jika menggunakan peruntukan PTj)/Ketua Projek (bagi yang menggunakan peruntukan Penyelidikan).**

Sumber rujukan senarai badan profesional/ikhtisas: Beberapa Universiti Awam Malaysia dan Perintah Am Bab C.



SENARAI SEMAK
TUNTUTAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS DI MALAYSIA
MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PTj

Bil.	Perkara	Untuk diisi oleh pemohon	Semakan Urus Setia (BSM/JSM/PSM)
1.	Borang Tuntutan Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas		
2.	Salinan Surat Pengesahan Jabatan/ Fakulti/Pusat/Institut		
3.	Resit Rasmi Pembayaran (Jika menggunakan cetakan komputer, perlu mendapatkan pengesahan Salinan Benar resit tersebut)		
4.	Salinan Sijil Keahlian Profesional/Badan Ikhtisas yang telah disahkan		

Sila tandakan (√) pada kotak berkenaan

Nama : _____
UKM (PER) : _____
Jabatan/Pusat/PTj : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____

Untuk Kegunaan Urus Setia (BSM/JSM/PSM)
<p>Diterima oleh: Tarikh:</p>



BORANG TUNTUTAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PTj

MAKLUMAT PEGAWAI YANG MEMOHON													
Nama (HURUF BESAR):													
No. Kad Pengenalan:		No. Pekerja/UKM (PER):											
Status Jawatan: Tetap/Sementara/Kontrak		Jawatan:											
JENIS & KADAR TUNTUTAN													
*Tandakan √	Jenis Tuntutan	Jumlah	No. Resit										
	Yuran Pendaftaran	RM											
	Yuran Keahlian	RM											
	Yuran Peperiksaan	RM											
	Jumlah	RM											
Nama & Alamat Badan Profesional		Jumlah Tuntutan (RM)											
AKUAN PEMOHON													
Saya mengaku bahawa tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan yang berkuat kuasa sekarang dengan menggunakan peruntukan yang ditetapkan oleh Universiti.													
Tandatangan:													
Nama:													
Tarikh:													
KELULUSAN KETUA JABATAN/PERKHIDMATAN(HCTM/HPKK)/DEKAN/PENGARAH													
Adalah saya telah menyemak dan meluluskan tuntutan permohonan ini seperti di bawah dan dokumen yang dilampirkan adalah betul & lengkap.													
Tandatangan & Cop Jawatan:		Tuntutan Yang Diluluskan:											
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tandakan (√)</th> <th>Jenis Tuntutan</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td>Yuran Pendaftaran</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>Yuran Keahlian</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>Yuran Peperiksaan</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>		Tandakan (√)	Jenis Tuntutan	Jumlah (RM)		Yuran Pendaftaran			Yuran Keahlian		
Tandakan (√)	Jenis Tuntutan	Jumlah (RM)											
	Yuran Pendaftaran												
	Yuran Keahlian												
	Yuran Peperiksaan												
Tarikh:		Jumlah keseluruhan (RM):											
		Kod Peruntukan PTj:											
UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA (BSM/JSM/PSM)													
Tandatangan & Cop Jawatan:													
Tarikh:													

Catatan:

1. Jika pemohon bertugas di Fakulti/Institut/Pusat, dokumen hendaklah diluluskan oleh Dekan/Pengarah.
2. Permohonan Dekan/Pengarah/Ketua Bahagian hendaklah diluluskan oleh Naib Canselor.



3. Tuntutan yuran keahlian & peperiksaan hendaklah dibuat dalam satu permohonan yang sama.

**PROFESYEN YANG PENGAMALNYA DIWAJIBKAN OLEH UNDANG-UNDANG
UNTUK MENDAFTARKAN DIRI DENGAN BADAN-BADAN IKHTISAS**

Doktor	Medical Act, 1971, pengamal perubatan dimestikan mendaftarkan diri dengan Majlis Perubatan Malaysia.
Doktor Gigi	Dental Act, 1971, pengamal dimestikan mendaftar dengan <i>Malaysian Dental Council</i> .
Doktor Veterinar	Akta Doktor Veterinar, 1974, pengamal dimestikan mendaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia.
Jurutera	Registration of Engineers Act, 1967 (<i>Revised 1974</i>), pengamal dimestikan mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
Ahli Kimia	Akta Kimia, 1975, ahli kimia dimestikan mendaftar dengan Institut Kimia Malaysia.
Arkitek	Architect Act, 1967 (<i>Revised 1973</i>), pengamal dimestikan mendaftar dengan Lembaga Arkitek. Di bawah akta yang sama <i>Building Draughtman</i> juga dimestikan mendaftar dengan Lembaga Arkitek.
Ahli Farmasi	<i>Registration of Pharmacist Ordinance</i> , 1951, pengamal dimestikan mendaftar dengan <i>Pharmacy Board</i> .
Jurukur Tanah	<i>The Licensed Land Surveyors' Ordinance</i> , 1958, pengamal dimestikan mendaftar dengan <i>Land Surveyors' Board</i> .
Peguambela dan Peguamcara	<i>Legal Profession Act</i> , 1976, pengamal dimestikan menjadi ahli Bar Malaysia dan Majlis Peguam. Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang ijazah berkenaan dari universiti-universiti yang diiktiraf dan bekerja dengan kerajaan dikecualikan daripada kehendak-kehendak peraturan ini.
Jurukur Bahan, Jurukur Bangunan, Penilai, Pentaksir dan Land Economist	<i>Registration of Surveyors' Act</i> , 1976, pengamal dimestikan mendaftar dengan Lembaga Jurukur.
Akauntan	<i>Accountants Act</i> , 1976 (<i>Revised 1972</i>), pengamal dimestikan mendaftar dengan Institute of Accountants Malaysia.
Penolong Pegawai Perubatan	Akta Pembantu Perubatan 1977 (Akta 180), pengamal dimestikan mendaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan.
Jururawat	<i>Nurse Act</i> , 1950, pengamal dimestikan mendaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.
Pegawai Psikologi	<i>Counselor Act</i> , 1988 (Act 580), pengamal dimestikan mendaftar dengan Lembaga Kaunselor.



<p>Anggota Kesihatan Bersekutu:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Ahli Dietetik2. Ahli Audiologi3. Ahli Fisioterapi4. Ahli Entomologi Kesihatan Awam5. Ahli Fizik Perubatan6. Ahli Pemakanan7. Ahli Psikologi Klinikal8. Ahli Sains Klinikal9. Ahli Sains Klinikal (Embriologi)10. Ahli Sains Klinikal (Biokimia)11. Ahli Sains Klinikal (Bioperubatan)12. Ahli Sains Klinikal (Genetik Perubatan)13. Ahli Sains Klinikal (Mikrobiologi)14. Ahli Terapi Cara Kerja15. Ahli Terapi Pertuturan- Bahasa16. Ahli Terapi Radiasi17. Jururadiografik Diagnostik18. Juruteknologi Makmal Perubatan19. Juruteknologi Pergigian20. Pegawai Kesihatan Persekitaran21. Pegawai Pendidikan Kesihatan22. Pegawai Sains Forensik Pegawai Sosial Perubatan	<p>Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) pengamal dimestikan mendaftar dengan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia.</p>
--	---



**SENARAI SEMAK
TUNTUTAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS
MENGUNAKAN PERUNTUKAN TABUNG AMANAH/KELAB PTJ**

Bil.	Perkara	Untuk diisi oleh pemohon	Semakan Urus Setia (Ketua Pentadbiran PTj)
1.	Borang Tuntutan Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas		
2.	Salinan Surat Pengesahan Jabatan/ Fakulti/Pusat/Institut		
3.	Resit Rasmi Pembayaran (Jika menggunakan cetakan komputer, perlu mendapatkan pengesahan Salinan Benar resit tersebut)		
4.	Salinan Sijil Keahlian Profesional/Badan Ikhtisas yang telah disahkan		

Sila tandakan (√) pada kotak berkenaan

Nama : _____
 UKM (PER) : _____
 Jabatan/Pusat/PTj : _____
 Tandatangan : _____
 Tarikh : _____

Untuk Kegunaan Urus Setia (Ketua Pentadbiran PTj)
Diterima oleh: Tarikh:



**BORANG TUNTUTAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN TABUNG AMANAH/KELAB PTJ**

MAKLUMAT PEGAWAI YANG MEMOHON															
Nama (HURUF BESAR):															
No. Kad Pengenalan:		No. Pekerja/UKM (PER):													
Status Jawatan: Tetap/Sementara/Kontrak		Jawatan:													
JENIS & KADAR TUNTUTAN															
*Tandakan <input type="checkbox"/>	Jenis Tuntutan	Jumlah	No. Resit												
	Yuran Pendaftaran	RM													
	Yuran Keahlian	RM													
	Yuran Peperiksaan	RM													
	Jumlah	RM													
Nama Badan Profesional		Jumlah Tuntutan (RM)													
AKUAN PEMOHON															
Saya mengaku bahawa tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan yang berkuat kuasa sekarang dengan menggunakan peruntukan yang ditetapkan oleh Universiti.															
Tandatangan: Nama: Tarikh:															
KELULUSAN Pengerusi JK Tabung Amanah/Kelab PTJ															
Adalah saya telah menyemak dan meluluskan tuntutan permohonan ini seperti di bawah dan dokumen yang dilampirkan adalah betul & lengkap.															
Tandatangan & Cop Jawatan:		Tuntutan Yang Diluluskan:													
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tandakan <input type="checkbox"/></th> <th>Jenis Tuntutan</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td>Yuran Pendaftaran</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>Yuran Keahlian</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>Yuran Peperiksaan</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Tandakan <input type="checkbox"/>	Jenis Tuntutan	Jumlah (RM)		Yuran Pendaftaran			Yuran Keahlian			Yuran Peperiksaan		
		Tandakan <input type="checkbox"/>	Jenis Tuntutan	Jumlah (RM)											
			Yuran Pendaftaran												
			Yuran Keahlian												
	Yuran Peperiksaan														
Jumlah keseluruhan (RM):															
Tarikh:		Kod Peruntukan PTJ:													
*permohonan RM15ribu atau lebih mestilah mendapat kelulusan Bendahari															
UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA (Ketua Pentadbiran PTJ)															
Tandatangan & Cop Jawatan:															
Tarikh:															